

06/03/1997

Jawatankuasa teknikal cari maklumat

KUALA LUMPUR, Rabu - Jawatankuasa Teknikal Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedang mengumpul dan mengkaji semua cadangan pelbagai pihak bagi menggubal pelan tindakan bersepadu menangani masalah sosial.

Menterinya, Datin Paduka Zaleha Ismail, berkata jawatankuasa itu juga sedang mengumpul statistik daripada kerajaan negeri dan maklumat mengenai rancangan mereka sebelum merangka pelan induk itu.

"Kementerian menerima banyak cadangan daripada pelbagai pihak yang semuanya perlu diteliti jawatankuasa itu bagi memastikan pelan tindakan bersepadu yang akan digubal itu benar-benar mantap," katanya di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau merasmikan majlis penutup Persidangan Pertama Asia Mengenai Parkinson's Disease. Turut hadir ialah president persatuan Parkinson's Disease Malaysia, Datuk Setia Dr JP Tan.

Persidangan selama dua hari yang disertai sepuluh negara Asia bertujuan memberi kesedaran terhadap penyakit itu serta bertukar pandangan mengenai cara menangani dan merawat penyakit.

Zaleha berkata, Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr Zainul Ariff Hussin, juga sudah memberi taklimat kepada Kabinet serta parti politik mengenai masalah sosial dan tahap keseriusannya.

Katanya, Dr Zainul akan bertemu Majlis Raja-Raja di Istana Negara esok manakala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi taklimat kepada ketua Barisan Nasional (BN) Selasa ini.

Zaleha berharap pelan induk itu dapat disiapkan dan dilaksanakan pada pertengahan tahun ini bagi menangani masalah sosial yang semakin serius, terutamanya di kalangan remaja.

Sementara itu, katanya, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia (LPPKN) sedang melaksanakan beberapa program termasuk kursus pendidikan kehidupan berkeluarga bagi menangani masalah ini.

"Kementerian akan menganjur kursus itu kepada kakitangan kementerian pada 22 Mac ini dan berharap kementerian lain akan memberi kerjasama bagi menjayakannya," katanya.

(END)